

قربادنن كما جوان اقتصاد نكري كلنتن

PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN  
KELANTAN STATE ECONOMIC DEVELOPMENT CORPORATION



قوليبي تدبير اوروس دان قما توهن شريعة  
كومقولن قربادنن كما جوان اقتصاد نكري كلنتن

**POLISI TADBIR URUS DAN  
PEMATUHAN SYARI'AH KUMPULAN PKINK**

PKINK

Perutusan YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan  
Menteri Besar Kelantan i - ii

Bicara Pengerusi Majlis Penasihat Syari'ah  
Kumpulan Perbadanan  
Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan iii

Tinta Ketua Pegawai Eksekutif  
Kumpulan Perbadanan Kemajuan Iktisad  
Negeri Kelantan iv - v

## BAHAGIAN A

### PENDAHULUAN

1. Tujuan 1
2. Latar Belakang 1-2
3. Pemakaian 2
4. Tarikh Kuatkuasa 2
5. Tafsiran 2-3
6. Autoriti Rujukan Yang Berkaitan 3

## BAHAGIAN B

### PERNIAGAAN DAN OPERASI

7. Perniagaan dan Operasi  
Kumpulan PKINK 4

## BAHAGIAN C

### STRUKTUR TADBIR URUS SYARI'AH KUMPULAN PKINK

8. Struktur Tadbir Urus Dan Syari'ah  
Kumpulan PKINK 5

## BAHAGIAN D

### LEMBAGA PENGARAH

9. Tugas Dan Tanggungjawab 6
10. Interaksi Dengan Majlis  
Penasihat Syari'ah 7

## BAHAGIAN E

### MAJLIS PENASIHAT SYARI'AH

11. Tugas Dan Tanggungjawab 8
12. Mesyuarat Majlis Penasihat  
Syari'ah 9
13. Kelayakan 10
14. Komposisi 10

## BAHAGIAN F

### PENGURUSAN

15. Tugas Dan Tanggungjawab 11-12

## BAHAGIAN G

### FUNGSI KAWALAN SYARI'AH

16. Fungsi Kawalan Syari'ah Dalam  
Tadbir Urus Syari'ah 13
17. Pengurusan Risiko Syari'ah 13-14
18. Semakan Syari'ah 14
19. Audit Syari'ah 15

## BAHAGIAN H

### KETELUSAN & LAPORAN

20. Laporan Daripada Lembaga  
Pengaroh Dan Majlis Penasihat  
Syari'ah 16



YAB USTAZ DATO' BENTARA KANAN  
MENTERI BESAR KELANTAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Firman Allah yang bermaksud :

وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ مُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدَيْهِ مِنَ الْكِتَابِ وَمُهَيْمِنًا عَلَيْهِ فَاحْكُم بَيْنَهُمْ بِمَا  
أَنْزَلَ اللَّهُ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَهُمْ عَمَّا جَاءَكَ مِنَ الْحَقِّ لِكُلِّ جَعَلْنَا مِنْكُمْ شُرَعًا وَمِنْهَا جَا

“Dan Kami telah menurunkan Kitab (Al-Qur'an) kepadamu (Muhammad) dengan membawa kebenaran, yang membenarkan kitab-kitab yang diturunkan sebelumnya dan menjaganya, maka putuskanlah perkara mereka menurut apa yang diturunkan Allah dan janganlah engkau mengikuti keinginan mereka dengan meninggalkan kebenaran yang telah datang kepadamu. Untuk setiap umat di antara kamu, Kami berikan aturan dan jalan yang terang.”  
(Surah Al-Maidah, Ayat 48)

Alhamdulillah Rabbil alamin, bersyukur ke hadrat Ilahi dengan limpah kurnia dan rahmat Nya, kita masih diberi anugerah kehidupan, akal dan kesihatan untuk meneruskan amal dan kebajikan kita sebagai hambaNYA.

Alhamdulillah, Kumpulan PKINK telah berjaya memperkenalkan satu Polisi yang sangat bermanfaat untuk Kumpulan PKINK iaitu Polisi Tadbir Urus dan Pematuhan Syari'ah Kumpulan PKINK. Dengan adanya polisi ini, ia dapat memartabatkan dan mengutamakan Syari'ah dalam semua perkara termasuklah dalam perniagaan dan operasi Kumpulan PKINK.

Polisi Tadbir Urus dan Pematuhan Syari'ah Kumpulan PKINK merupakan satu polisi yang memfokuskan kepada kepatuhan Syari'ah ke atas segala gerak kerja yang dilaksanakan Kumpulan PKINK dan perkara ini selaras dengan dasar yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan iaitu “Merakyatkan Membangun Bersama Islam” yang meletakkan Syariat Islam di hadapan dalam semua aspek dan segi termasuklah perkara yang berkaitan dengan pembangunan ekonomi Negeri.


YAB USTAZ DATO' BENTARA KANAN  
MENTERI BESAR KELANTAN

Sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan, saya ucapkan sekalung tahniah dan syabas kepada Kumpulan PKINK kerana Kumpulan PKINK merupakan agensi Negeri Kelantan yang pertama yang menubuhkan Polisi Tadbir Urus dan Pematuhan Syari'ah yang boleh dijadikan satu petunjuk arah dan rujukan dalam memastikan setiap aspek dalam gerak kerja perlulah berlandaskan hukum Syari'ah.

Semoga dengan adanya Polisi Tadbir Urus dan Pematuhan Syari'ah Kumpulan PKINK ini dapat mengukuhkan lagi kepatuhan Syari'ah yang dilaksanakan oleh Kumpulan PKINK serta dapat meningkatkan kerahmatan dan keberkatan oleh Allah SWT di atas usaha yang dilaksanakan. Semoga amalan ini dapat dijadikan contoh dan imej yang baik kepada Agensi-agensi Negeri Kelantan yang lain.

Sekian, terima kasih.

Dengan hormatnya,



DATO' BENTARA KANAN  
USTAZ DATO' HAJI AHMAD BIN YAKOB  
Menteri Besar Kelantan



PENGERUSI MAJLIS PENASIHAT SYARI'AH  
KUMPULAN PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Majlis Penasihat Syari'ah Kumpulan PKINK merupakan satu jawatankuasa dalam tadbir urus Kumpulan PKINK yang telah ditubuhkan oleh Lembaga Pengarah Kumpulan PKINK pada 28 Januari 2019. Majlis ini berperanan dalam menasihati dan memberi pandangan berkaitan pematuhan Syari'ah kepada Kumpulan PKINK bagi memastikan setiap perniagaan, operasi dan aktiviti Kumpulan PKINK sentiasa patuh Syari'ah.

Sebagai Pengerusi Majlis Penasihat Syari'ah Kumpulan PKINK, saya dan 4 ahli yang lain sangat berbesar hati dan berterima kasih di atas pelantikan dan dapat berganding bahu bersama-sama dengan Kumpulan PKINK dalam usaha untuk memastikan setiap gerak kerja yang dilakukan adalah patuh Syari'ah.

Penyediaan Polisi Tadbir Urus dan Pematuhan Syariah oleh Pengurusan Kumpulan PKINK merupakan salah satu inisiatif dan usaha yang baik bagi memantapkan tadbir urus patuh Syari'ah Kumpulan PKINK. Polisi ini dapat menjadi rujukan yang jelas kepada Kumpulan PKINK dalam memastikan pelaksanaan aktiviti bagi pematuhan Syari'ah berkesan dan berterusan selari dengan Dasar Membangun Bersama Islam (MBI).

Akhir kata, semoga Kumpulan PKINK dapat mencapai visi dan misi yang telah ditetapkan serta memperoleh keberkatan, kemakmuran dan kebajikan melimpah daripada Allah SWT.

وَأَخِرُ دَعْوَانَا أَنْ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

Sekian, wassalam.

DATO' DR. JOHARI BIN MAT, P.S.K D.P.S.K (Kelantan)  
Pengerusi Majlis Penasihat Syari'ah  
Kumpulan PKINK

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN  
PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Alhamdulillah Rabbil alamin, segala puji dan syukur kepada Allah SWT serta selawat dan salam buat junjungan Nabi Muhammad SAW dan seluruh ahli keluarganya.

Kumpulan PKINK merupakan sebuah badan korporat yang mengutamakan dan menitikberatkan keberkatan dan kebergantungan kepada Allah SWT dalam melaksanakan segala perniagaan, operasi dan aktiviti Kumpulan PKINK. Sehubungan dengan itu, pematuhan Syari'ah dalam perniagaan, operasi dan aktiviti Kumpulan PKINK merupakan tunjang dan matlamat utama yang perlu dititikberatkan oleh organisasi kami.

Pada 28 Januari 2019, Kumpulan PKINK telah menubuhkan Majlis Penasihat Syari'ah Kumpulan PKINK yang bertujuan untuk menasihati dan memberi input kepada Kumpulan PKINK bagi memastikan setiap perniagaan, operasi dan aktiviti yang dilaksanakan Kumpulan PKINK sentiasa mematuhi dan mengikut kehendak-kehendak Syari'ah.

Dalam usaha untuk memantapkan Halatuju Tadbir Urus Syari'ah Kumpulan Perbadanan, PKINK telah menyediakan Polisi Tadbir Urus dan Pematuhan Syari'ah Kumpulan PKINK. Polisi ini merupakan satu rujukan dan garis panduan kepada Kumpulan PKINK bagi memastikan pelaksanaan pematuhan Syariah yang berterusan, tersusun dan berkesan. Polisi ini adalah merangkumi kebertanggungjawaban Lembaga Pengarah, Majlis Penasihat Syari'ah dan Pengurusan Kumpulan PKINK yang dimantapkan lagi dengan tiga (3) Fungsi Kawalan Syari'ah iaitu Pengurusan Risiko Syari'ah, Semakan Syari'ah dan Audit Syari'ah.

Selain itu, untuk jangka masa akan datang, Kumpulan PKINK telah merancang untuk menyediakan garis panduan pematuhan Syari'ah secara terperinci mengikut silibus atau tajuk yang berkaitan dalam setiap perniagaan, operasi dan aktiviti Kumpulan PKINK sebagai panduan dan rujukan semua anggota Kumpulan PKINK.





KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN  
PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN

Akhir kata, saya berharap dengan adanya Polisi Tadbir Urus dan Pematuhan Syari'ah Kumpulan PKINK ini dapat meningkatkan kualiti dan imej Kumpulan PKINK ke arah kecemerlangan duniawi dan ukhrawi selaras dengan Dasar Kerajaan Negeri Kelantan iaitu "Merakyatkan Membangun Bersama Islam".

Wallahu a'lam bissowab. Sekian, wassalam.



TUAN HAJI AB AZIZ BIN YUNUS  
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan  
Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan

## 1. Tujuan

Tujuan Polisi Tadbir Urus dan Pematuhan Syari'ah Kumpulan PKINK (selepas daripada ini dirujuk sebagai "Polisi Syari'ah") adalah untuk memastikan segala perniagaan, operasi, urusan dan aktiviti yang melibatkan Kumpulan PKINK mematuhi kehendak Syari'ah dan tidak terlibat dengan perkara-perkara sebagaimana berikut:-

- a) Menggunakan harta dan modal yang batil yang bukan dimiliki sepenuhnya untuk menjalankan sesuatu perniagaan, aktiviti dan operasi;
- b) Berlaku riba dalam transaksi-transaksi perniagaan;
- c) Berlaku Gharar iaitu berlaku ketidakpastian dan keraguan dalam sesuatu akad, produk atau perkhidmatan dari segi ciri-ciri dan sifat produk tersebut pada masa kontrak dilakukan;
- d) Jual beli produk dan perkhidmatan yang diharamkan dan boleh mendatangkan mudarat seperti penjualan arak, judi, perkhidmatan aktiviti pelacuran dan sebagainya;
- e) Berlaku penipuan dan pengkhianatan dalam perniagaan, aktiviti dan operasi seperti memaksa, menindas, memonopoli, menyembunyikan kecacatan, membuat persepakatan secara senyap dan mengurangkan kadar sukatan dan timbangan;
- f) Menyertai aktiviti rasuah; dan
- g) Lain – lain aktiviti yang diputuskan sebagai tidak patuh Syari'ah oleh badan-badan berautoriti termasuklah Majlis Penasihat Syari'ah.

## 2. Latar Belakang

- 2.1 Kumpulan PKINK sebagai sebuah kumpulan yang menerajui pembangunan dan pertumbuhan ekonomi berlandaskan prinsip Islam hendaklah sentiasa memastikan bahawa segala operasi dan aktiviti mematuhi prinsip Syari'ah. Mekanisma patuh Syari'ah hendaklah dibentuk dalam semua aspek bagi memastikan semua perniagaan, aktiviti dan operasi yang dijalankan mematuhi Syari'ah;
- 2.2 Dalam memastikan pengurusan pematuhan Syari'ah yang efektif dan bersistematik, adalah menjadi satu keperluan kepada Kumpulan PKINK untuk menubuhkan Polisi Syari'ah. Polisi Syari'ah yang efektif dan kondusif adalah sangat penting untuk memastikan segala urusan sentiasa dalam kepatuhannya dan perkara ini akan membantu perkembangan yang sihat dan komprehensif ke atas Kumpulan PKINK yang merupakan sebuah kumpulan badan korporat yang bertanggungjawab dalam menerajui pembangunan dan pertumbuhan ekonomi Negeri Kelantan berlandaskan prinsip-prinsip Islam untuk kesejahteraan Ummah;



- 2.3 Polisi Syari'ah ini adalah merangkumi satu sistem penyusunan organisasi bagi sesebuah institusi yang melibatkan keberkesanan pengawasan, tanggungjawab dan akauntabiliti Lembaga Pengarah, Majlis Penasihat Syari'ah, pihak Pengurusan serta prosedur-prosedur yang perlu dilaksanakan oleh Fungsi Kawalan Syari'ah yang bermatlamat untuk memastikan persekitaran operasi perniagaan yang dilaksanakan oleh Kumpulan PKINK adalah sentiasa selari dan menepati kehendak Syari'ah; dan
- 2.4 Polisi Syari'ah ini juga selaras dengan Dasar Membangun Bersama Islam Kerajaan Negeri Kelantan yang meletakkan prinsip Islam sebagai asas penting dalam halatuju Kerajaan Negeri Kelantan termasuk aktiviti pembangunan ekonomi, pembudayaan prinsip U.M.I. Ubudiyah (Penghambaan kepada Allah), Mas'uliyah (Kebertanggungjawaban) dan Itqan (ketekunan) serta penekanan ke atas LIMA (5) Ciri Pengurusan Ihtirafi (profesionalisme) sebagaimana berikut:-
- (a) Hawariyyun – Pendokong kepada perjuangan yang suci;
  - (b) Kafa'ah – Akhlak Islami dan Integriti asas kepada pengurusan Ihtirafi;
  - (c) Wafa' Bil 'Uqud – Keinginan untuk mencapai piawaian yang terbaik;
  - (d) Himmatul 'Amal – Mengejar peningkatan kualiti dan cita-cita dalam profesion; dan
  - (e) Hafazah – Memelihara dan meningkatkan imej profesion.

### 3. Pemakaian

Polisi Syari'ah ini adalah terpakai kepada Kumpulan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan.

### 4. Tarikh Kuatkuasa

Polisi Syari'ah ini berkuatkuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

### 5. Tafsiran

5.1 Tafsiran bagi tujuan Polisi Syari'ah adalah sebagaimana berikut-

"Kumpulan PKINK" merujuk kepada Kumpulan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan yang merangkumi PKINK dan Syarikat Anak Kumpulan PKINK.

“PKINK” merujuk kepada Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan.

“Syarikat Anak” merujuk kepada syarikat - syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 2016 yang dimiliki penuh oleh PKINK atau yang mempunyai ekuiti PKINK sekurang-kurangnya 50% campur satu saham.

“Lembaga” merujuk kepada Lembaga Pengarah Kumpulan PKINK.

“Majlis Penasihat Syari’ah” merujuk kepada Majlis Penasihat Syari’ah Kumpulan PKINK yang ditubuh oleh Lembaga.

“Pengurusan” merujuk kepada Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan Timbalan - timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan.

“Syari’ah” merujuk kepada apa-apa aturan atau ketetapan yang diwahyukan kepada Rasulullah SAW yang terdiri daripada hukum-hakam dalam al-Qur’an dan al-Sunnah, yang berkait dengan bidang aqidah dan perbuatan-perbuatan mukallaf, sama ada hukum-hakam daripada dalil - dalil gath’ie atau zhanni.


## 6. Autoriti Rujukan Yang Berkaitan

### 6.1 Dokumen polisi/ terma rujukan/ manual yang perlu dibaca bersama -

- (a) Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia;
- (b) Manual Autoriti Korporat Bagi Tadbir Urus Syarikat Anak Kumpulan Perbadanan;
- (c) Skim Perkhidmatan Pekerja Syarikat Anak Kumpulan Perbadanan 2015;
- (d) Terma Rujukan Majlis Penasihat Syari’ah Kumpulan Perbadanan;
- (e) Terma Rujukan Jawatankuasa Pengurusan Risiko Kumpulan Perbadanan
- (f) Terma Rujukan Jawatankuasa Audit Kumpulan Perbadanan;
- (g) Terma Rujukan Jawatankuasa Perancangan Strategik dan Kawalan Korporat;
- (h) Manual MBI (Membangun Bersama Islam) Dalam Profesionalisme Penjawat Awam
- (i) Manual Budaya Kerja Cemerlang Melalui Ubudiyah Mas’uliyah dan Itqan PKINK; dan
- (j) Mana-mana polisi/ terma rujukan/ manual yang diterima pakai Kumpulan Perbadanan dari semasa ke semasa.



### 7. Perniagaan dan Operasi dalam Kumpulan PKINK



7.1 Perniagaan adalah melibatkan aktiviti – aktiviti ekonomi Kumpulan PKINK manakala Operasi melibatkan Standard Operation Procedure (SOP) dalam Kumpulan PKINK. Perniagaan dan Operasi yang dilaksanakan hendaklah mematuhi prinsip Syari’ah sebagaimana Perenggan 1; dan

7.2 Perniagaan dan Operasi dalam Kumpulan PKINK adalah sebagaimana berikut:-

#### PERNIAGAAN

- (a) Pelaburan;
- (b) Projek;
- (c) Hartanah;
- (d) Khidmat Teknikal;
- (e) Sumber Galian;
- (f) Pertanian;
- (g) Perikanan;
- (h) Sistem Gadaian Ar-Rahn;
- (i) Pembinaan Menara Telekomunikasi;
- (j) Khidmat Penyelenggaraan Menara Telekomunikasi;
- (k) Kesetiausahaan Syarikat;
- (l) Perkhidmatan ICT;
- (m) Perubatan wanita & kanak-kanak;
- (n) Perladangan; dan
- (o) Mana – mana perniagaan yang bakal diceburi oleh Kumpulan PKINK bersesuaian dengan Syarikat Anak masing-masing.

#### OPERASI


- (a) Tadbir Urus Syarikat;
- (b) Pengurusan Sumber Manusia;
- (c) Pelaporan Kewangan;
- (d) Penyempurnaan Perjanjian;
- (e) Pengurusan Audit;
- (f) Pembangunan Usahawan;
- (g) Pengurusan Teknologi Maklumat;
- (h) Pengurusan Aset dan Harta; dan
- (i) Sebarang operasi lain yang melibatkan Kumpulan PKINK

8. Struktur Tadbir Urus Syari'ah Kumpulan PKINK

8.1 Struktur Tadbir Urus Syari'ah yang mantap dapat dicerminkan melalui kebertanggungjawaban dan keberkesanan Lembaga, Majlis Penasihat Syari'ah dan pengurusan yang kompeten dan disokong oleh Fungsi Kawalan Syari'ah iaitu Pengurusan Risiko Syari'ah, Semakan Syari'ah dan Audit Syari'ah; dan

8.2 Model Struktur Tadbir Urus Syari'ah adalah sebagaimana di Rajah 1 di bawah :-

Rajah 1





## 9. Tugas dan Tanggungjawab Lembaga

- 9.1 Dalam memastikan pembangunan dan pengurusan kewangan berkesan dalam Kumpulan PKINK, Lembaga hendaklah mewujudkan satu Polisi Tadbir Urus Syari'ah yang mantap bersesuaian dengan saiz, tahap kerumitan dan mengikut kesesuaian perniagaan Kumpulan PKINK.

Tanggungjawab Pengawasan Lembaga terhadap Tadbir Urus Syari'ah dan pematuhannya adalah bergantung kepada pertimbangan Tadbir Urus Syari'ah dalam perniagaan, operasi, aktiviti dan strategi risiko Kumpulan PKINK. Dalam memenuhi peranan ini, Lembaga hendaklah-

- (a) Meluluskan garis panduan yang berkaitan dengan penyusunan struktur tadbir urus dan pelaporannya, pengurusan fungsi pematuhan Syari'ah dan lain-lain perkara yang membawa kepada pelaksanaan tadbir urus Syari'ah yang berkesan dalam Kumpulan PKINK;
  - (b) Mengawasi pelaksanaan keputusan dan pandangan Majlis Penasihat Syari'ah dalam semua perniagaan termasuk apa-apa perniagaan atau risiko peningkatan implikasi daripada pelaksanaan tersebut;
  - (c) Mengawasi pelaksanaan kawalan rangka kerja dalaman untuk mencegah ketidakpatuhan Syari'ah dan langkah untuk menyelesaikan insiden yang membawa kepada ketidakpatuhan Syari'ah;
  - (d) Mengawasi prestasi pengurusan dan pegawai yang diamanahkan untuk melaksanakan Rangka Kerja Tadbir Urus Syari'ah bagi memastikan prestasi mereka sejajar dengan objektif tadbir urus Syari'ah;
  - (e) Mempromosikan budaya korporat yang mencerminkan kepentingan kepada keperluan pematuhan Syari'ah dalam pembangunan produk, pemasaran, penggubalan strategik, operasi perniagaan, pelaksanaan pengurusan risiko dan aspek-aspek lain yang membawa kepada pematuhan Syari'ah yang menyeluruh; dan
  - (f) Jika berlaku perkara – perkara atau isu yang tidak patuh Syari'ah ke atas Kumpulan PKINK. Pihak Lembaga perlu memastikan Pengurusan Kumpulan PKINK membuat pembetulan dengan segera ke atas perkara atau isu tersebut berdasarkan kepada nasihat Majlis Penasihat Syari'ah Kumpulan PKINK.
- 9.2 Lembaga hendaklah secara berterusan meningkatkan dan memperkukuhkan pengetahuan dan pemahaman berkaitan pematuhan Syari'ah supaya dapat mengikut perkembangan pembangunan yang memberi impak kepada perniagaan, aktiviti dan operasi Kumpulan PKINK yang berlandaskan prinsip-prinsip Syari'ah.

## 10. Interaksi Dengan Majlis Penasihat Syari'ah

- 10.1 Lembaga hendaklah apabila dikaitkan dengan apa-apa keputusan dan pandangan Majlis Penasihat Syari'ah atau apa-apa isu Syari'ah dalam perniagaan, operasi atau aktiviti Kumpulan PKINK, hendaklah-
  - (a) Memberi perhatian terhadap fakta, rasional dan asas keputusan dan pandangan Majlis Penasihat Syari'ah;
  - (b) Memberi pertimbangan yang adil ke atas implikasi pelaksanaan apa-apa keputusan atau pandangan Majlis Penasihat Syari'ah; dan
  - (c) Meletakkan mekanisma penyelesaian konflik dalam satu tempat untuk berbincang berkaitan pandangan-pandangan yang berbeza antara Lembaga dan Majlis Penasihat Syari'ah.
- 10.2 Lembaga perlu mempunyai komunikasi yang berkesan dengan Majlis Penasihat Syari'ah dalam semua perkara yang berkaitan dengan keperluan Syari'ah, Tadbir Urus Syari'ah atau Fungsi Kawalan Syari'ah untuk membolehkan kedua-dua pihak untuk melaksanakan tanggungjawab yang berkesan di bawah rangka kerja tadbir urus Syari'ah; dan
- 10.3 Lembaga perlu mempertimbangkan untuk pemberian imbuhan kepada Majlis Penasihat Syari'ah yang setimpal dengan tugas dan tanggungjawab mereka.



## 11. Tugas dan Tanggungjawab

- 11.1 Majlis Penasihat Syari'ah merupakan sebuah badan bebas yang bertanggungjawab untuk menasihati dan memberi input kepada Lembaga dan Pengurusan berkaitan dengan hal ehwal Syari'ah dalam tadbir urus dan aktiviti / operasi supaya sentiasa mematuhi prinsip-prinsip Syari'ah;
- 11.2 Majlis Penasihat Syari'ah hendaklah sentiasa menyediakan rujukan, khidmat nasihat dan rundingan Syari'ah dalam semua hal yang berkaitan dengan produk, transaksi dan aktiviti Kumpulan PKINK;
- 11.3 Majlis Penasihat Syari'ah perlu menyemak, meneliti, mengkaji, mencadang dan mengesahkan urusan termasuk produk yang ditawarkan dan sistem pengurusan secara menyeluruh oleh Kumpulan PKINK adalah patuh Syari'ah dalam hal- hal berkaitan termasuklah-
  - (a) Terma dan syarat yang terkandung dalam borang, kontrak, perjanjian atau sebarang dokumentasi undang-undang yang lain yang melibatkan urusan transaksi Kumpulan PKINK;
  - (b) Manual Pengurusan jual beli dan pemasaran produk yang patuh Syari'ah;
  - (c) Laporan daripada Audit Syari'ah dan Semakan Syari'ah; dan
  - (d) Lain-lain perkara yang akan dirujuk dari semasa ke semasa.
- 11.4 Majlis Penasihat Syari'ah bertanggungjawab meneliti semua perniagaan, aktiviti dan operasi Kumpulan PKINK berdasarkan kertas yang dibentangkan;
- 11.5 Majlis Penasihat Syari'ah akan meneliti dan memutuskan dasar dan prosedur Syari'ah yang telah disediakan oleh Kumpulan PKINK bagi memastikan kandungannya patuh Syari'ah;
- 11.6 Majlis Penasihat Syari'ah akan terlibat dalam membantu merangka pembangunan modal insan anggota-anggota Kumpulan PKINK selaras dengan konsep Ubudiyah, Mas'uliyah dan Itqan (UMI) yang digariskan oleh Kerajaan Negeri Kelantan; dan
- 11.7 Majlis Penasihat Syari'ah adalah bertanggungjawab ke atas kualiti, ketepatan dan kekukuhan keputusan dan pandangan mereka. Manakala kebertanggungjawaban untuk mencapai pematuhan Syari'ah tersebut adalah dibawah tanggungjawab Lembaga dan Pengurusan.

## 12. Mesyuarat Majlis Penasihat Syari'ah

- 12.1 Dalam memastikan fungsi yang berkesan ke atas tanggungjawab Majlis Penasihat Syari'ah, Pengerusi hendaklah:-
- (a) Memastikan prosedur yang sesuai ketika mengetuai proses dan perbincangan Mesyuarat Majlis Penasihat Syari'ah;
  - (b) Sebagai penghubung di antara Lembaga dan Majlis Penasihat Syari'ah untuk memupuk kefahaman yang baik dan jelas di antara kedua-dua pihak;
  - (c) Memastikan keputusan dan pandangan Syari'ah yang dibuat berdasarkan asas yang baik termasuk asas dalam pemantapan membuat keputusan bagi memastikan setiap operasi, perniagaan, aktiviti dan implikasi risiko yang dipertimbangkan oleh Majlis Penasihat Syari'ah;
  - (d) Menggalakkan perbincangan yang sihat, menyertai perbincangan dan memberi sumbangan pandangan;
  - (e) Memastikan perbincangan, keputusan dan pandangan Mesyuarat Majlis Penasihat Syari'ah direkod;
- 12.2 Mesyuarat Majlis Penasihat Syari'ah perlu diadakan sekurang-kurangnya DUA (2) kali setahun;
- 12.3 Korum Mesyuarat adalah TIGA (3) orang Ahli Majlis Penasihat Syari'ah;
- 12.4 Keputusan mesyuarat boleh dilakukan secara dalam mesyuarat atau resolusi beredar dan keputusan adalah berdasarkan keputusan majoriti;
- 12.5 Pengurusan PKINK perlu mendedahkan bilangan mesyuarat yang dilaksanakan setiap tahun untuk dilaporkan ke dalam Laporan Tahunan Kumpulan PKINK;
- 12.6 Kumpulan PKINK perlu menyediakan kepada Majlis Penasihat Syari'ah segala maklumat yang diperlukan dan memastikan maklumat yang disediakan itu tepat dan jelas; dan
- 12.7 Pengurusan PKINK perlu merekod minit mesyuarat yang dibincangkan oleh Majlis Penasihat Syari'ah yang merangkumi keputusan dan pandangan Syari'ah termasuk perbincangan utama, rasional bagi setiap keputusan atau pandangan dan perbezaan pandangan.



### 13. Kelayakan

- 13.1 Ahli Majlis Penasihat Syari'ah hendaklah dianggotai oleh alim ulama' yang mempunyai latar belakang dalam Pendidikan Islam yang berkelayakan;
- 13.2 Berwibawa serta berpengaruh dalam bidang masing-masing dalam kalangan masyarakat; dan
- 13.3 Ahli Majlis Penasihat Syariah juga boleh dilantik daripada individu yang mempunyai pengalaman yang luas dalam penasihat pematuhan Syari'ah yang berkelayakan dengan mengikut pertimbangan Lembaga

### 14. Komposisi

- 14.1 Pengurusan PKINK perlu memastikan Ahli Majlis Penasihat Syari'ah adalah sekurang-kurangnya TIGA (3) orang; dan
- 14.2 Keanggotaan adalah terdiri daripada Pengerusi dan ahli-ahli.

## 15. Tugas dan Tanggungjawab

- 15.1 Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan merupakan pegawai utama organisasi yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap segala perjalanan dan tadbir urus Kumpulan PKINK. Dalam melaksanakan tanggungjawab tersebut, Pengurusan hendaklah:-
- a) Membuat perancangan dan penyediaan berkaitan perkara yang melibatkan aktiviti pematuhan Syari'ah dalam Kumpulan PKINK;
  - b) Memastikan bahawa pelaksanaan perniagaan, operasi, urusan dan segala aktiviti yang melibatkan Kumpulan PKINK mematuhi prinsip-prinsip Syari'ah dan tidak melibatkan dengan perkara-perkara berikut:-
    - i. Menggunakan harta dan modal yang batil yang bukan dimiliki sepenuhnya untuk menjalankan sesuatu perniagaan, aktiviti dan operasi;
    - ii. Berlaku riba dalam transaksi-transaksi perniagaan;
    - iii. Berlaku Gharar iaitu berlaku ketidakpastian dan keraguan dalam sesuatu akad, produk atau perkhidmatan dari segi ciri-ciri dan sifat produk tersebut pada masa kontrak dilakukan
    - iv. Jual beli produk dan perkhidmatan yang diharamkan dan boleh mendatangkan mudarat seperti penjualan arak, judi, perkhidmatan aktiviti pelacuran dan sebagainya;
    - v. Berlaku penipuan dan pengkhianatan dalam perniagaan, aktiviti dan operasi seperti memaksa, menindas, memonopoli, menyembunyikan kecacatan, membuat persepakatan secara senyap dan mengurangkan kadar sukatan dan timbangan;
    - vi. Menyertai aktiviti rasuah; dan
    - vii Lain – lain aktiviti yang diputuskan sebagai tidak patuh Syari'ah oleh badan-badan berautoriti termasuklah Majlis Penasihat Syari'ah.
  - c) Menetapkan struktur pengurusan dan penyusunan pelaporan yang menyediakan skop kebertanggungjawaban yang jelas di antara garis perniagaan dan fungsi kawalan dalaman yang melibatkan kawalan pematuhan Syari'ah;
  - d) Melaksanakan dasar, prosedur, amalan tadbir urus Syari'ah yang berkesan bersesuaian dengan arahan yang diberikan oleh Lembaga;



- e) Melaksanakan dengan sewajarnya keputusan atau nasihat berkaitan Syari'ah yang dibuat oleh Majlis Penasihat Syari'ah;
  - f) Menyediakan polisi komunikasi yang berkesan yang dapat membantu untuk meningkatkan pemahaman yang berkesan dalam perkara-perkara yang berkaitan Syari'ah di dalam Kumpulan PKINK;
  - g) Melaporkan dengan segera sebarang ketidakpatuhan Syari'ah kepada Lembaga dan Majlis Penasihat Syari'ah; dan
  - h) Membuat pemantauan dalam setiap pelaksanaan perniagaan, aktiviti dan operasi Kumpulan PKINK agar sentiasa dalam pematuhan Syari'ah yang berterusan.
- 15.2 Setiap ahli pengurusan hendaklah sentiasa meningkatkan pengetahuan dan kefahaman berkaitan pematuhan Syari'ah supaya dapat mengikuti perkembangan pembangunan yang memberi impak kepada perniagaan aktiviti, operasi Kumpulan PKINK yang berlandaskan prinsip-prinsip Syari'ah.

## 16. Fungsi Kawalan Syari'ah di bawah Tadbir Urus Syari'ah

- 16.1 Pengurusan PKINK perlu memastikan pengurusan fungsi kawalan Syari'ah distrukturkan oleh Pengurus Kanan/Pengurus bahagian dengan fungsi kawalan di bawah tadbir urus Syari'ah yang mampu melaksanakan kebertanggungjawaban yang jelas dalam fungsi tersebut;
- 16.2 Pengurusan perlu memastikan pengurusan fungsi kawalan Syari'ah dilaksanakan dengan berkesan iaitu perlu memenuhi fungsi berikut:-
  - a) Pengurusan Risiko Syari'ah;
  - b) Semakan Syari'ah; dan
  - c) Audit Syari'ah.
- 16.3 Kumpulan PKINK perlu menyediakan sumber yang mencukupi bagi pelaksanaan fungsi kawalan Syari'ah termasuk melantik beberapa pegawai yang cekap dan berpengalaman serta penyediaan latihan kepakaran dan bimbingan dalam bidang Syari'ah bagi memastikan pegawai dapat melaksanakan fungsi kawalan Syari'ah dengan cekap dan berkesan.

## 17. Pengurusan Risiko Syari'ah

- 17.1 Pengurusan Risiko Syari'ah merujuk kepada fungsi yang sistematik dalam mengenalpasti, mengukur, mengawal dan melaporkan ketidakpatuhan Syari'ah dalam operasi, perniagaan dan aktiviti Kumpulan PKINK;
- 17.2 Fungsi Pengurusan Risiko Syari'ah sekurang-kurangnya hendaklah-
  - a) Mengumpul seluruh keberangkalan yang membawa kepada Ketidapatuhan Syari'ah;
  - b) Mengenalpasti Risiko ketidakpatuhan Syari'ah menerusi operasi, aktiviti dan perniagaan Kumpulan PKINK;
  - c) Menilai Risiko ketidakpatuhan Syari'ah dan mengukur potensi kesan kepada pendedahan risiko tersebut terhadap Kumpulan PKINK;
  - d) Mengambil langkah-langkah pengurangan risiko yang berkaitan;
  - e) Menyelaraskan pendedahan Risiko Ketidapatuhan Syari'ah dan keberkesanan Langkah-langkah pengurangan risiko;
  - f) Melaporan kepada Lembaga, Majlis Penasihat Syari'ah dan pengurusan berkaitan penemuan risiko ketidakpatuhan Syari'ah;
  - g) Menghalang keputusan yang membawa kepada peningkatan Risiko ketidakpatuhan Syari'ah; dan



- 17.3 Kumpulan PKINK perlu memastikan pegawai risiko yang melaksanakan fungsi pengurusan risiko mempunyai pengetahuan dalam Keperluan Syari'ah yang bersesuaian dengan perniagaan, aktiviti dan operasi yang mematuhi Syari'ah dalam Kumpulan PKINK. Pegawai Risiko perlulah disediakan latihan kepakaran bagi memastikan fungsi pengurusan risiko Syari'ah dapat dilaksanakan dengan berkesan.

## 18. Semakan Syari'ah

- 18.1 Semakan Syari'ah merujuk kepada fungsi yang melaksanakan penilaian secara berkala terhadap pematuhan operasi, perniagaan dan aktiviti Kumpulan PKINK mengikut keperluan Syari'ah;
- 18.2 Fungsi Semakan Syari'ah sekurang-kurangnya hendaklah :
- a) Mengenalpasti, mengukur dan mengawal kepatuhan Syari'ah semua operasi dan aktiviti Kumpulan PKINK;
  - b) Melaporkan kepada pengurusan secara berkala berkaitan penemuan dan isu ketidakpatuhan Syari'ah;
  - c) Memaklumkan dan mengemaskini kepada Pengurusan berkaitan pembangunan terbaru dalam keperluan undang-undang dan pengawalseliaan di dalam aktiviti Pematuhan Syari'ah Kumpulan PKINK; dan
  - d) Memastikan penyediaan latihan dan bimbingan kepada pegawai dalam Kumpulan PKINK berkaitan keperluan Syari'ah yang sesuai dalam operasi, perniagaan, dan aktiviti Kumpulan PKINK.
- 18.3 Kumpulan PKINK perlu memastikan pegawai yang melaksanakan fungsi semakan Syari'ah mempunyai pengetahuan dalam Keperluan Syari'ah yang bersesuaian dengan perniagaan, aktiviti dan operasi yang mematuhi Syari'ah dalam Kumpulan PKINK; dan
- 18.8 Pegawai yang berkelayakan yang melaksanakan tanggungjawab fungsi ini hendaklah pegawai yang mempunyai kelayakan yang bersesuaian dengan Syari'ah. Pegawai Semakan Syari'ah perlulah disediakan latihan kepakaran bagi memastikan fungsi pengurusan risiko Syari'ah dapat dilaksanakan dengan berkesan.

## 19. Audit Syari'ah


- 16.1 Audit Syari'ah adalah merujuk kepada fungsi yang menyediakan penilaian bebas terhadap kualiti dan keberkesanan Kumpulan PKINK dalam pengawasan dalaman, sistem pengurusan risiko, proses-proses tadbir urus dan juga kepatuhan Syari'ah yang menyeluruh terhadap perniagaan, operasi dan aktiviti Kumpulan PKINK;
- 16.2 Fungsi Audit Syari'ah sekurang-kurangnya hendaklah-
- a) Menyediakan Plan Audit Syari'ah yang perlu disemak dan dinilai oleh Majlis Penasihat Syari'ah terlebih dahulu.
  - b) Menubuhkan Metodologi Pengauditan untuk menilai risiko profil dan kelemahan bagi setiap ruang yang boleh diaudit;
  - c) Mewujudkan plan audit ke atas tugas yang akan dilaksanakan;
  - d) Melaksanakan program pendokumentasian audit yang menyediakan bimbingan berkaitan maklumat, prosedur untuk mengaudit dan penilaian audit; dan
  - e) Melaporkan keputusan kepada Jawatankuasa Audit dan Majlis Penasihat Syari'ah melalui laporan Audit, perincian penemuan audit dan cadangan penambahbaikan dan juga plan tindakan pengaudit.
- 19.3 Pengauditan Syari'ah ini merupakan satu keperluan untuk dilaksanakan oleh Kumpulan PKINK sama ada pelaksanaan Pengauditan dalaman atau pengauditan luaran iaitu yang mana bersesuaian dengan kemampuan Kumpulan PKINK dari semasa ke semasa.



## 20. Laporan daripada Lembaga dan Majlis Penasihat Syari'ah


- 20.1 Pengurusan perlu menyatakan maklumat dalam Laporan Tahunan berkaitan Tadbir Urus Syari'ah. Pernyataan tersebut termasuklah-
- a) Laporan daripada Lembaga mengenai kebertanggungjawaban mengawal pelaksanaan tadbir urus Syari'ah dan pematuhan Syari'ah Kumpulan PKINK; dan
  - b) Laporan daripada Majlis Penasihat Syari'ah berkaitan-
    - i. Tanggungjawab Majlis Penasihat Syari'ah dalam Tadbir Urus Syari'ah
    - ii. Laporan pengesahan patuh Syari'ah Kumpulan PKINK dan perlu ditandatangani sekurang-kurangnya Dua (2) orang Ahli Majlis Penasihat Syari'ah.

Disediakan oleh :-



.....  
(YABRS. AB AZIZ BIN YUNUS)  
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN  
PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN  
Tarikh: 04 Rejab 1443H / 6 Februari 2022

Disahkan Oleh :-



.....  
(YAB DATO' HAJI AHMAD BIN YAKOB)  
PENGERUSI  
PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN  
Tarikh: 04 Rejab 1443H / 6 Februari 2022



وَرَبِّدَابْنِ كَمَا جَوَانًا قَضَاءَ نَكْرِي كَلَنْتَن  
PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN  
KELANTAN STATE ECONOMIC DEVELOPMENT CORPORATION



Tingkat 4-11, Bangunan PKINK,  
Jalan Tengku Maharani,  
Peti Surat 142,  
15710 Kota Bharu,  
Kelantan  
Tel : 09-741 4141 | Faks : 741 4140  
Emel : [pkink@pkink.gov.my](mailto:pkink@pkink.gov.my)  
Laman Web : [www.pkink.gov.my](http://www.pkink.gov.my)

PKINK